



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

# Voice of Academia

*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

**VoA 2021**  
Volume 17 Issue 1



## COMMITTEE PAGE

### **VOICE OF ACADEMIA**

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

#### **Chief Editor**

Dr. Junaida Ismail

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### **Editorial Team**

Aishah Musa

*Academy of Language Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Etty Harniza Harun

*Faculty of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Suhaida Abu Bakar

*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### **Editorial Board**

Professor Dr M. Nauman Farooqi

*Faculty of Business & Social Sciences,  
Mount Allison University, New Brunswick, Canada*

Professor Dr Kiyomet Tunca Caliyurt

*Faculty of Accountancy,  
Trakya University, Edirne, Turkey*

Professor Dr Diana Kopeva

*University of National and World Economy,  
Sofia, Bulgaria*

Professor Dr Sivamurugan A/L Pandian

*Universiti Sains Malaysia, Malaysia*

Associate Professor Dr Wan Adibah Wan Ismail  
*Faculty of Accountancy,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi  
*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Azyyati Anuar  
*Faculty of Business Management,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Neesa Amera Mohammed Salim  
*Faculty of Art & Design,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli  
*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Dr Mohd Nasir Ayub  
*Academy of Contemporary Islamic Studies Department,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

#### ***Content Reviewer***

Associate Professor Ts Dr Asmadi Mohammad Ghazali  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Fadzilah Azni Ahmad  
*Universiti Sains Malaysia*

Associate Professor Dr Nur Hisham Ibrahim  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Mahadir Ladisma @ Awism  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Noor Zahirah Mohd Sidek  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Rizaimy Shahrudin  
*Universiti Teknologi MARA*

Associate Professor Dr Yarina Ahmad  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Azita Ahmad Zawawi, Senior Lecturer  
*Universiti Putra Malaysia*

Dr Azyyati Anuar  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Azlyn Ahmad Zawawi  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Anida Mahmood  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Junaida Ismail  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Mahadzir Ismail  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Mohamed Samsudeen Sajahan  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Mohd Nasir Bin Ayub  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Norhidayah Ali  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr. Nur Hafeeza Binti Ahmad Pazil  
*Universiti Sains Malaysia*

Dr Nur Zafifa Kamarunzaman  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Radzliyana Radzuwan  
*Universiti Teknologi MARA*

Dr Siti Zuliha Razali  
*Universiti Sains Malaysia*

Dr Zubir Azhar  
*Universiti Sains Malaysia*

***Language Reviewer***

Dr Wan Irham Ishak  
*Universiti Teknologi MARA*

Aishah Musa  
*Universiti Teknologi MARA*

Bawani Selvaraj  
*Universiti Teknologi MARA*

Nor Aslah Adzmi  
*Universiti Teknologi MARA*


Norfaridatonasmah Abd Kadir  
*Universiti Teknologi MARA*

Samsiah Bidin  
*Universiti Teknologi MARA*

Shafina Md Salleh  
*Universiti Teknologi MARA*

Sharina Saad  
*Universiti Teknologi MARA*

e-ISSN: 2682-7840



**Copyright © 2021 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

# TABLE of CONTENTS

<b>POTENSI MASJID SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN DI MALAYSIA</b> Azarudin Awang <sup>1</sup> , Zainuddin Zakaria <sup>2</sup> , Mohd Sabri Abdul Ghafar <sup>3</sup> , Noralisa Ismail <sup>4</sup> , Zuraini Jusoh <sup>5</sup>	<b>1 - 9</b>
<b>AN INVESTIGATION ON UNIVERSITY STUDENTS' PERCEPTIONS ABOUT ICEBREAKERS IN CLASSROOMS</b> Che Nooryohana Zulkifli <sup>1</sup> , Mohamad Putera Idris <sup>2</sup>	<b>10 - 19</b>
<b>A STUDY ON AIR POLLUTION INDEX IN SABAH AND SARAWAK USING PRINCIPAL COMPONENT ANALYSIS AND ARTIFICIAL NEURAL NETWORK</b> Norwaziah Mahmud <sup>1</sup> , Nur Elissa Syazrina Zulkifli <sup>2</sup> , Nur Syuhada Muhammat Pazil <sup>3</sup>	<b>20 - 29</b>
<b>CHARACTERISTIC PERFORMANCE CUSTOMER RELATION MANAGEMENT: A CASE STUDY TECHNOLOGY EDUCATION INSTITUTION IN MALAYSIA</b> Muhamad Fairos Mohamad Shah	<b>30 - 36</b>
<b>ILLEGAL STREET HAWKERS ISSUE FACING THE LOCAL AUTHORITIES IN SARAWAK: A CASE STUDY OF URBAN STREETS IN KUCHING CITY</b> Noni Harianti Junaidi <sup>1</sup> , Anisa Safiqah Othman <sup>2</sup>	<b>37 - 54</b>
<b>EMOJI &amp; EMOTICON-RELATED LEGAL ISSUES</b> Nor Azlina Mohd Noor <sup>1</sup> , Ahmad Shamsul Abd Aziz <sup>2</sup>	<b>55 - 62</b>
<b>GRADUATES' EMPLOYABILITY: ENHANCING STUDENTS' OVERALL PERFORMANCES</b> Fatin Adilah Razali <sup>1</sup> , Shafinaz Lyana Abu Talib <sup>2</sup> , Naqiah Awang <sup>3</sup>	<b>63 - 72</b>
<b>PLAYING E-SPORT AMONG UNIVERSITY STUDENTS: BENEFITS AND DISADVANTAGES</b> Nurul Nadiah Rasdi <sup>1</sup> , Ahmad Najmie Rusli <sup>2</sup>	<b>73 - 80</b>
<b>FACTORS FOR FINANCIAL RESTATEMENTS: CASE OF PUBLIC LISTED COMPANIES IN MALAYSIA</b> Shafinaz Lyana Abu Talib <sup>1</sup> , Fatin Adilah Razali <sup>2</sup> , Zaini Ahmad <sup>3</sup>	<b>81 - 96</b>
<b>PERCEIVED ORGANIZATIONAL SUPPORT AND JOB STRESS ON TURNOVER INTENTION: CONCEPTUAL PAPER</b> Roshidah Safeei	<b>97 - 104</b>
<b>IS EMERGING FOREIGN EXCHANGE MARKET EFFICIENT?</b> Soofiyah Aiman Sanadi <sup>1</sup> , Bee-Hoong Tay <sup>2</sup>	<b>105 - 115</b>
<b>THE IMPACT OF PERFORMANCE EXPECTANCY ON PURCHASING TRAVEL PRODUCTS VIA ONLINE TRAVEL AGENTS WEBSITES: GENDER AS MODERATOR</b> Safwan Marwin Abdul Murad <sup>1</sup> , Arunnaa a/p Sivapathy <sup>2</sup> , Annuar Aswan Mohd Nor <sup>3</sup>	<b>116 - 128</b>
<b>LOGAN MULTI-FUNCTIONAL DIGITAL CLOCK</b> Nik Nur Aneesa Zamzurri <sup>1</sup> , Norarifah Ali <sup>2</sup> , Izza Syahida Abdul Karim <sup>3</sup>	<b>129 - 152</b>
<b>HIBAH AL-UMRA DAN HIBAH AL-RUQBA DARI PERSPEKTIF MAZHAB AL-SYAFIE</b> Nurfarhana Mohd Daud <sup>1</sup> , Mohd Asyadi Redzuan <sup>2</sup> , Dziauddin Sharif <sup>3</sup> , Siti Noor Ain Binti Aziz <sup>4</sup> , Mahasin Saja@Mearaj <sup>5</sup> , Aflah Isa <sup>6</sup>	<b>153 - 162</b>
<b>KAJIAN KONSEPTUAL TENTANG KESEDARAN BERWAKAF DALAM KALANGAN KAKITANGAN UITM CAWANGAN KEDAH</b> Azyyati Anuar <sup>1</sup> , Rohayati Hussin <sup>2</sup> , Nurul Mazrah Manshor <sup>3</sup> , Noor Hidayah Kasim <sup>4</sup> , Daing Maruak Sadek <sup>5</sup>	<b>163 - 172</b>
<b>PREVENTION IS BETTER THAN CURE: A CASE OF PARENTS' DECISIONS OF CHILDREN VACCINATIONS</b> Johan Mukhlis Jan Zakri <sup>1</sup> , Mohd Nazir Rabun <sup>2</sup> , Mohamad Syafiqir Rahman Mohamad Nazir <sup>3</sup>	<b>173 - 192</b>
<b>PUBLIC INTENTION TO REPORT CHILD ABUSE IN MALAYSIA: A CROSS SECTIONAL STUDY</b> Nurul Hidayana Mohd Noor <sup>1</sup> , Sharifah Hanis Syamimi Ghazali <sup>2</sup> , Nurul Nabila Huda Abu Bakar <sup>3</sup>	<b>193 - 203</b>
<b>APLIKASI TEKNIK PEMOTONGAN LASER DALAM REKABENTUK PRODUK BATIK MERBOK</b> Normaziana Hassan <sup>1</sup> , Mas Ayu Zainal @ Ismail <sup>2</sup> , Zaidi Yusoff <sup>3</sup> , Ahmad Fazlan Ahmad Zamri <sup>4</sup>	<b>204 - 218</b>
<b>MASALAH BERKAITAN FORMAT SURAT RASMI DALAM KALANGAN PENSYARAH BAHASA DI UITM CPP</b> Raja Rosila Raja Berahim <sup>1</sup> , Noraziah Mohd Amin <sup>2</sup> , Nur Afiqah Ab. Latif <sup>3</sup> , Noor Azli Affendy Lee <sup>4</sup> , Melati Desa <sup>5</sup> , Che Nooryohana Zulkifli <sup>6</sup> , Boon Yih Mah <sup>7</sup>	<b>219 - 231</b>
<b>CONFLUENCE OF COSTUME AND MAKE UP IN DEFINING COMMUNISIM VIA INDEPENDENT DOCUMENTARY</b> Mohd Nor Shahizan Ali <sup>1</sup> , Neesa Ameerah Mohamed Salim <sup>2</sup> , Faryna Mohd Khalis <sup>3</sup>	<b>232 - 242</b>





## HIBAH AL-UMRA DAN HIBAH AL-RUQBA DARI PERSPEKTIF MAZHAB AL-SYAFIE

Nurfarhana Mohd Daud<sup>1</sup>, Mohd Asyadi Redzuan<sup>2</sup>, Dziauddin Sharif<sup>3</sup>,

Siti Noor Ain Aziz<sup>4</sup>, Mahasin Saja@Mearaj<sup>5</sup>, Aflah Isa<sup>6</sup>

Universiti Teknologi MARA Johor Branch

Universiti Teknologi MARA Melaka Branch

---

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received July 2020

Received in revised form Aug 2020

Accepted Oct 2020

Published Jan 2021

#### Keywords:

Hibah, al-Umra, al-Ruqba, Syafie

#### Corresponding Author:

Nurfarhana Bte Mohd Daud,  
Mohd Asyadi Redzuan

---

### ABSTRACT

Hibah al-Umra is a gift that is based on the age or life expectancy of a person whether it is a hibah giver or a hibah recipient. Hibah al-Ruqba refers to the granting of hibah which is based on the life span or life expectancy of both the giver and the recipient of the hibah. This study discusses the views of the jurists of the al-Syafie school regarding the conditional hibah practiced by the Jahiliyya Arab community, namely the hibah al-Umra and the hibah al-Ruqba. The method used to produce this discussion is to use a qualitative method, which is a method of collecting data from various sources of books. The main reference for this writing is the turath books. The discussion of the results of this study is the difference of opinion among the jurists of the sect that arises from the differences in interpretation and understanding of the hadiths of umra and ruqba either adhere absolutely to the texts of the hadith or interpret it. This means that the meaning of ownership (tamlik) contained in the hadiths means the ownership of the substance or on the benefits only.

Hibah al-Umra merupakan suatu pemberian yang disandarkan kepada umur atau jangka hayat seseorang sama ada pemberi hibah atau penerima hibah. Hibah al-Ruqba pula merujuk kepada pemberian hibah yang disandarkan kepada tempoh hidup atau jangka hayat kedua-dua pemberi dan penerima hibah. Kajian ini membincangkan berkenaan pandangan-pandangan fuqaha mazhab al-Syafie berkenaan dengan hibah bersyarat yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyya, iaitu hibah al-Umra dan hibah al-Ruqba. Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan perbincangan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah pengumpulan data dari pelbagai sumber buku. Rujukan utama bagi penulisan ini ialah kitab-kitab turath. Perbincangan hasil kajian ini ialah perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mazhab yang terbit daripada perbezaan tafsiran dan kefahaman terhadap hadis-hadis umra dan ruqba sama ada berpegang secara mutlak kepada nas-nas hadis tersebut atau mentakwilkannya. Hal ini bermakna makna pemilikan (tamlik) yang terkandung dalam hadis-hadis membawa maksud

---

kepada pemilikan ke atas zat barang ataupun ke atas manfaat sahaja.

©2021 UiTM Kedah. All rights reserved.

---

## 1. PENGENALAN

Kesedaran terhadap kepentingan perancangan harta telah menjadi realiti dan isu yang hangat dibincangkan di kalangan masyarakat Islam umumnya dan khususnya di Malaysia. Buktinya kita dapat melihat banyak syarikat menawarkan produk-produk perancangan harta bagi orang Islam. Berbeza dengan situasi sebelum ini, masyarakat Islam kurang memahami kepentingan perancangan harta kerana menganggap pengagihan harta adalah melalui sistem faraid sahaja yang akan dilaksanakan selepas mereka mati kelak. Lebih daripada itu, ada masyarakat yang beranggapan sebarang tindakan pengagihan yang bercanggah dengan fara'id dikatakan bukan datangnya daripada Islam<sup>1</sup> sedangkan selain mekanisme faraid, terdapat beberapa mekanisme lain yang disyariatkan bagi tujuan pengagihan harta pusaka. Pengagihan harta secara faraid bukanlah suatu kewajipan kerana tuntutan tersebut disertakan bersama-sama dengan beberapa sistem sokongan yang lain, iaitu hibah, wasiat, dan wakaf.<sup>2</sup>

Hibah merupakan sejenis kontrak *tabarru'*, iaitu suatu pemberian tanpa mengharapkan sebarang bentuk balasan. Pemberian ini membawa kepada implikasi berlakunya pemindahan pemilikan dan hak-hak berkaitan dengan objek akad sama seperti yang berlaku dalam kontrak jual beli (*bay*). Kedua-duanya merupakan jenis daripada *uqud al-Tamlikat*. Cuma apa yang membezakan hibah daripada jual beli ialah dalam hibah tiada balasan atau bayaran yang dikenakan akibat daripada pemberian yang dilakukan. Artikel ini akan mengulas pandangan-pandangan fuqaha mazhab al-Imam al-Syafie berkenaan dengan hibah bersyarat yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyyah, iaitu hibah al-Umra dan hibah al-Ruqba.

## 2. SOROTAN LITERATUR

### **Definisi Hibah**

Hibah menurut fuqaha mazhab boleh difahami menerusi takrifan yang berikut:<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Jasni bin Sulong (2005), *Undang-undang Pusaka Islam: Kajian Terhadap Pembaharuan Undang-undang dan Aplikasinya di Malaysia*, (Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 150

<sup>2</sup> Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2012), *Umra Dan Ruqba: Analisis Mengenai Kesannya Terhadap Kontrak Hibah dan Potensinya Sebagai Instrumen Agihan Harta*, *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 1, p. 1-46.

<sup>3</sup> Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

التَّمْلِيكُ لِعَيْنٍ بِلَا عَوْضٍ فِي حَالِ الْحَيَاةِ تَطَوُّعًا

Maksudnya: "Memindahkan pemilikan suatu barang tanpa bayaran (atau meminta balasan) ketika hidup secara sukarela (bukan atas dasar kewajipan)"

Takrifan ini telah meletakkan had-had tertentu yang melarang unsur-unsur lain daripada masuk ke dalam takrifan ini. Keterangan mengenainya adalah seperti yang berikut:

Perkataan	Unsur-Unsur Yang Tidak Termasuk dalam Takrifan
التَّمْلِيكُ	Ariyah, waqaf, dan <i>diafah</i> .  - Perkataan <i>al-Tamlik</i> ini telah mengeluarkan kontrak <i>ariyah</i> , <i>waqaf</i> , dan <i>diafah</i> daripada termasuk dalam kategori hibah atau termasuk dalam definisi ini.
لِعَيْنٍ	Hutang ( <i>dayn</i> ) dan manfaat.  - Perkataan <i>ayn</i> telah mengeluarkan <i>dayn</i> (hutang) dan manfaat daripada takrifan hibah.
بِلَا عَوْضٍ	Jual beli ( <i>bay</i> )  - Jual beli merupakan kontrak pertukaran sesuatu dengan sesuatu manakala hibah pula kontrak pertukaran tanpa balasan.
فِي حَالِ الْحَيَاةِ	Wasiat  - Wasiat merupakan pemberian selepas kematian yang dilaksanakan selepas kematian pewasiat manakala hibah merupakan pemberian ketika hidup.
تَطَوُّعًا	Zakat, nazar, kafarah, dan seumpama dengannya  - Zakat, nazar, dan kafarah merupakan pemberian yang wajib dikeluarkan manakala hibah pula adalah tidak wajib.

Terdapat dua lagi istilah yang mempunyai kaitan dengan hibah, iaitu hadiah dan sedekah. Kedua-duanya merupakan sebahagian daripada hibah. Boleh dikatakan hibah lebih umum daripada hadiah dan sedekah. Setiap hadiah dan sedekah itu hibah tetapi bukan semua hibah itu adalah hadiah dan sedekah. Implikasinya, sekiranya seseorang itu bersumpah tidak akan melakukan hibah, kemudian dia bersedekah, maka sumpahnya terbatal dan perlu membayar kafarah sumpah. Para fuqaha telah menggariskan beberapa ciri hadiah dan sedekah seperti yang berikut:<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Ibid.

Hadiah	<p>a) Barang yang dihadiahkan bersifat boleh alih (<i>movable</i>), iaitu boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain. Justeru, harta tak alih seperti tanah tidak termasuk dalam objek hadiah.</p> <p>b) Diberikan dengan bertujuan untuk memuliakan atau memberi penghormatan kepada seseorang (Sebahagian fuqaha mazhab menetapkan elemen ini sebagai ciri-ciri hadiah untuk membezakannya dengan rasuah).</p>
Sedekah	<p>a) Sesuatu yang diberikan kepada seseorang yang berada dalam keadaan yang sangat memerlukan.</p> <p>b) Diberikan bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah S.W.T serta mendapatkan pahala (Sebahagian fuqaha hanya mengambil kira ciri ini sahaja, justeru boleh bersedekah kepada golongan kaya).</p>

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan untuk menghasilkan perbincangan ini adalah menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah pengumpulan data dari pelbagai sumber buku yang rujukan utama adalah daripada kitab-kitab turath. Antara kitab turath yang digunakan dalam perbincangan hibah al-Umra dan hibah al-Ruqba dari perspektif mazhab al-Syafie adalah seperti karya hadis imam al-Bukhari (1422H), imam Muslim (t.t), imam Muslim (1975), imam Tirmizi, dan banyak lagi.

### 4. HASIL DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Hibah al-Umra dan Hibah al-Ruqba

Hibah al-Umra merupakan suatu pemberian yang disandarkan kepada umur atau jangka hayat seseorang sama ada pemberi hibah atau penerima hibah manakala hibah al-Ruqba pula merujuk kepada pemberian hibah yang disandarkan kepada tempoh hidup atau jangka hayat kedua-dua pemberi dan penerima hibah. Para fuqaha mazhab berbeza pendapat mengenai hukum bagi hibah yang disandarkan kepada tempoh umur. Perincian kepada hukum hibah ini dibahaskan dalam bahagian seterusnya.

#### 4.2 Bentuk Hibah al-Umra dan Pandangan Fuqaha Mazhab mengenai Hukumnya

Secara umumnya, hibah al-Umra boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk atau keadaan berdasarkan kepada bentuk ucapan atau lafaz yang diutarakan oleh si pemberi hibah. Bentuk atau keadaan tersebut dapat digambarkan seperti yang berikut:

a) Keadaan pertama:

Lafaz pemberian yang disandarkan kepada jangka hayat si penerima hibah serta harta pemberian itu akan diwarisi oleh waris si penerima hibah selepas kematiannya. Contohnya, pemberi hibah berkata, "Aku hibahkan rumah ini pada kau selagi mana kau masih hidup dan juga kepada waris kau selepas ketiadaan kau". Para fuqaha mazhab

bersepakat bahawa hukum hibah ini adalah sah berdasarkan kepada sejumlah dalil antaranya ialah hadis riwayat Abu Hurayrah r.a, sabda Rasulullah s.a.w :<sup>5</sup>

الْعُمْرَى جَائِزَةٌ

Maksudnya: "Al-Umra adalah dibenarkan"

Dalil lain ialah hadis riwayat Jabir r.a. Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>6</sup>

أَيُّمَا رَجُلٍ أُعْمِرَ عُمْرِي لَهُ وَلِعَقْبِهِ، فَإِنَّهَا لِلَّذِي أُعْطِيَهَا، لَا تَرْجِعُ إِلَى الَّذِي أَعْطَاهَا، لِأَنَّهُ أَعْطَى عَطَاءً وَقَعَتْ فِيهِ الْمَوَارِيثُ

Maksudnya: "Barangsiapa yang diberi secara 'umra, maka pemberian itu adalah miliknya dan milik anak-anaknya (setelah ia tiada). Sesungguhnya, hadiah itu adalah milik kepada orang yang menerima serta tidak akan kembali kepada orang yang memberi, kerana ia telah memberikan suatu pemberian yang jatuh padanya hukum perwarisan."

Para fuqaha mazhab bersepakat bahawa harta hibah itu menjadi milik si penerima hibah dan juga warisnya selepas kematiannya. Sekiranya tiada waris, harta itu akan diserahkan kepada baitul mal.

b) Keadaan kedua:

Lafaz pemberian yang disandarkan kepada jangka hayat si penerima hibah tanpa dikaitkan harta hibah itu dengan waris si penerima hibah selepas kematiannya. Contohnya, pemberi hibah berkata, "Aku hibahkan rumah ini pada kau selagi mana kau masih hidup atau sepanjang umur kau". Para fuqaha mazhab berbeza pendapat mengenai jenis hibah ini:

i. Hibah ini sah serta menjadi pemilikan penuh oleh si penerima hibah dan diwarisi oleh warisnya. Hal ini bererti harta hibah tersebut tidak akan kembali semula kepada si pemberi hibah. Pandangan ini merupakan *qawl jadid* serta merupakan pendapat paling asah dalam mazhab. Hujah mereka berdasarkan hadis riwayat Jabir r.a sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>7</sup>

لَا تُعْمِرُوا، وَلَا تُرْقِبُوا، فَمَنْ أُعْمِرَ شَيْئًا أَوْ أُرْقِبَهُ فَهُوَ سَبِيلُ الْمِيرَاثِ

Maksudnya: "Janganlah memberi secara umra dan ruqba, barangsiapa yang menerima umra dan ruqba, maka ia menjadi milik kepada ahli warisnya."

Adapun larangan "La tu'miru wa la turqibu" adalah larangan yang ditujukan kepada pengamalan masyarakat Arab Jahiliyah yang kebiasaannya barang hibah itu akan kembali kepada si pemberi hibah semula selepas penerima hibah mati. Hal ini bererti, harta itu tidak akan diwarisi oleh waris si penerima hibah .<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah (1422H), *Sahih al-Bukhari*, Dar Tawqi al-Najah.

<sup>6</sup> Muslim, Muslim bin al-hajjaj abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naisaburi (t.t.), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Ara.

<sup>7</sup> Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Hussin bin Ali bin Musa (2003), *al-Sunan al-Kubra*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

<sup>8</sup> al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000), *Rawdhah al-Thālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Umrani, Yahya bin Abi al-Khair bin Salim (2002), *al-Bayan fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Juwayni, Abd al-Malik bin Abd al-Allah bin Yusuf (2007), *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, Jeddah: Dar al-Minhaj.

Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Hadis lain yang menyokong kepada pandangan di atas ialah hadis riwayat Jabir r.a. Rasulullah s.a.w bersabda :<sup>9</sup>

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، " أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ أُعْطِيَ أُمَّهُ حَدِيقَةً مِنْ نَخْلٍ حَيَاتَهَا، فَمَاتَتْ فَجَاءَ إِخْوَتُهُ، فَقَالُوا: نَحْنُ فِيهِ شَرَعٌ سَوَاءٌ،

فَأَبَى، فَاخْتَصَمُوا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَقَسَمَهَا بَيْنَهُمْ مِيرَاثًا "

Maksudnya: Seorang lelaki Ansar telah memberi ibunya sebuah kebun kurma ketika masih hidup, kemudian ibunya meninggal dunia dan datanglah saudara-saudaranya, mereka berkata; Kami berhak mendapatkan bahagian yang sama di dalamnya, dan lelaki itu menolak, lalu mereka berhukum kepada Nabi s.a.w dan Baginda membahagikan harta itu untuk mereka mengikut hukum perwarisan.

ii. Hibah ini sah, harta hibah dimiliki oleh si penerima hibah ketika hayatnya, namun apabila dia mati, barang itu akan dikembalikan kepada si pemberi hibah. Pandangan ini menurut salah satu *qawl qadim* daripada riwayat Abu Ishak al-Marwazi. Aliran ini berpandangan apabila pensyaratan perwarisan pemilikan harta hibah kepada waris tidak dinyatakan, maka harta hibah itu akan kembali kepada si pemberi hibah.

iii. Menurut salah satu riwayat *qawl qadim* daripada al-Za'farani serta kebanyakan para fuqaha mazhab Hibah ini terbatal. Asas kepada pandangan ini ialah sekiranya tiada pensyaratan harta hibah itu kembali kepada waris si penerima hibah, maka hibah itu tidak sah. Hal ini demikian kerana hibah ini sah apabila ada pensyaratan tersebut. Pandangan ini juga terbina daripada qiyas kepada jual beli bertempoh. Hibah ini diqiyaskan dengan jual beli bertempoh seperti jual barang untuk tempoh sebulan yang membawa kepada pembatalan kontrak. Dengan kata lain, hujah ini dibina berdasarkan qiyas hibah *muaqqatah* (hibah bertempoh) kepada jual beli *muaqqatah* (jual beli bertempoh).

iv. Menurut riwayat lain daripada *qawl qadim*, hibah ini pada hakikatnya ialah kontrak *ariyah*. Harta tersebut dipulangkan semula kepada pemberi hibah sekiranya si penerima hibah mati.<sup>10</sup> Berkemungkinan asas kepada pandangan ini ialah makna pemilikan (*tamlik*) yang terkandung dalam hadis-hadis tentang umra ditafsirkan sebagai pemilikan ke atas manfaat sahaja.

c) Keadaan Ketiga:

Lafaz pemberian yang disandarkan kepada jangka hayat si penerima hibah serta pensyaratan bahawa selepas kematian si penerima hibah, harta hibah itu akan kembali semula kepada si pemberi hibah sekiranya dia masih hidup atau kepada warisnya sekiranya dia telah meninggal dunia. Contohnya, pemberi hibah berkata, "aku hibahkan rumah ini pada kau selagi mana kau hidup. Namun bila kau mati, rumah ini akan kembali kepadaku sekiranya aku masih hidup atau kepada warisku sekiranya aku telah mati". Para fuqaha mazhab turut berbeza pendapat mengenai hukum hibah ini:

Al-Mawardī, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad (1999), *Al-Hawi al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

<sup>9</sup> Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (2001), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Muassasah al-Risalah.

<sup>10</sup> al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000), *Rawdhah al-Thālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Umrani, Yahya bin Abi al-Khair bin Salim (2002), *al-Bayan fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Juwayni, Abd al-Malik bin Abd al-Allah bin Yusuf (2007), *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, Jeddah: Dar al-Minhaj.

Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Mawardī, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad (1999), *Al-Hawi al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

i. Hibah ini sah namun syaratnya diabaikan, ini menurut *qawl jadid*. Harta ini kekal kepada si penerima hibah dan warisnya. Harta hibah tidak akan kembali kepada si pemberi hibah atau warisnya. Asas kepada keputusan ini ialah pegangan secara mutlak dengan hadis-hadis di atas yang menunjukkan akan keharusan hibah al-Umra serta tidak beramal dengan kaedah qiyas, iaitu qiyas hibah bertempoh kepada jual beli bertempoh. Hadis-hadis ini mengecualikan hibah al-Umra, begitu juga dengan hibah al-Ruqba daripada kaedah utama mazhab, iaitu sebarang syarat yang fasid (rosak atau terbatal) atau melanggar norma-norma atau objektif asas suatu kontrak akan mengakibatkan kontrak itu terbatal. Sebahagian fuqaha mazhab membezakan antara kesan syarat fasid (rosak atau terbatal) dalam hibah dengan kesan syarat fasid (rosak atau terbatal) dalam jual beli. Kewujudan syarat fasid (rosak atau terbatal) dalam hibah tidak akan membatalkan hibah itu sendiri kerana hibah tidak berhajat kepada imbalan atau bayaran. Hal ini berbeza dengan jual beli yang berhajat kepada imbalan atau pertukaran sekaligus boleh membawa kepada permasalahan *gharar*. Sebahagian fuqaha yang lain antaranya ialah al-Bulqini juga berpendapat penetapan syarat ini tidak memberi kesan kepada kontrak hibah kerana syarat ini dikenakan ke atas waris si penerima hibah, bukannya penerima hibah itu sendiri. Justeru, hibah adalah sah namun syaratnya tidak terpakai.

ii. Hibah ini sah dan terpakai syaratnya. Menurut salah satu *qawl qadim* yang diriwayatkan daripada Abu Ishak al-Marwazi.

iii. Hibah ini terbatal, menurut riwayat lain daripada *qawl qadim*.<sup>11</sup>

d) Keadaan Keempat:

Lafaz pemberian yang disandarkan kepada jangka hayat si pemberi hibah. Contohnya, pemberi hibah berkata, "Aku hibahkan rumah ini kepada kau selagi mana aku masih hidup". Hukumnya menurut sebahagian fuqaha mazhab adalah seperti mana yang dibincangkan dalam keadaan kedua. Sebahagian yang lain pula berpendapat hibah ini hukumnya batal kerana penetapan tempoh masa itu bertentangan dengan konsep pemilikan itu sendiri. Pandangan ini merupakan pandangan yang paling asah dalam mazhab.<sup>12</sup>

e) Keadaan Kelima:

Lafaz pemberian yang disandarkan kepada jangka hayat pihak ketiga. Contohnya, pemberi hibah berkata, "Aku hibahkan rumah ini kepada kau selagi mana Umar masih hidup". Hukumnya adalah sama seperti hukum dalam keadaan keempat di atas, iaitu hibah ini terbatal dan pandangan ini merupakan pandangan paling asah dalam mazhab. Sebahagian fuqaha mazhab lain membenarkan kontrak ini namun syaratnya diabaikan kerana syarat yang rosak tidak akan membatalkan hibah.<sup>13</sup>

#### 4.3 Bentuk Hibah al-Ruqba dan Pandangan Fuqaha Mazhab Mengenainya

<sup>11</sup> al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000), *Rawdhah al-Thālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Umrani, Yahya bin Abi al-Khair bin Salim (2002), *al-Bayan fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.  
Al-Juwayni, Abd al-Malik bin Abd al-Allah bin Yusuf (2007), *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, Jeddah: Dar al-Minhaj.

Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.  
Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad (1999), *Al-Hawi al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

<sup>12</sup> *Ibid*

<sup>13</sup> *Ibid*.

Lafaz Hibah al-Ruqba pula disandarkan kepada jangka hayat si pemberi hibah dan penerima hibah. Contohnya, si pemberi hibah berkata, "Aku hibahkan rumah ini kepada kau dengan syarat sekiranya kau mati sebelumku, rumah itu akan kembali kepadaku, namun sekiranya aku mati sebelummu, rumah itu kekal menjadi milikmu". Para fuqaha mazhab turut berbeza pendapat mengenai status hukum hibah ini seperti yang berikut:

a) Hibah ini sah namun syarat itu tidak terpakai. Harta itu kekal menjadi milik si penerima hibah. Pandangan ini adalah *qawl jadid*. Asas kepada pandangan ini ialah hadis-hadis yang mengharuskan hibah al-Umra dan hibah al-Ruqba seperti yang dinyatakan sebelum ini termasuk juga dengan hadis riwayat Jabir r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>14</sup>

الْعُمْرَى جَائِزَةٌ لِأَهْلِهَا، وَالرُّقْبَى جَائِزَةٌ لِأَهْلِهَا

Maksudnya: "Umra dan ruqba itu dimiliki oleh si penerima."

b) Hibah ini sah dan syarat itu terpakai. Pandangan ini adalah *qawl qadim* yang diriwayatkan oleh Abu Ishak al-Marwazi.

c) Hibah ini terbatal menurut *qawl qadim* yang diriwayatkan daripada kebanyakan fuqaha mazhab.<sup>15</sup>

## 5. KESIMPULAN

Dapat dirumuskan perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha mazhab terbit daripada perbezaan tafsiran dan kefahaman terhadap hadis-hadis umra dan ruqba sama ada berpegang secara mutlak kepada nas-nas hadis tersebut atau mentakwilkannya. Dengan kata lain, makna pemilikan (*tamlik*) yang terkandung dalam hadis-hadis tersebut sama ada membawa maksud kepada pemilikan ke atas zat barang tersebut ataupun ke atas manfaat sahaja. Isu ini juga memperlihatkan bagaimana sikap para fuqaha mazhab berinteraksi dengan dalil. Berdasarkan kaedah qiyas, hukum bagi hibah umra dan ruqba adalah tidak sah kerana wujudnya syarat fasid (rosak dan terbatal), namun hadis memberi indikasi kepada kesahihannya. Oleh itu, dalam kes ini, sebahagian fuqaha mazhab beramal dengan hadis ini secara mutlak serta meninggalkan qiyas dan ini merupakan pandangan terkuat dalam mazhab. Kepelbagaian pandangan ini walaupun hanya ditinjau dalam konteks mazhab al-Imam al-Syafie sahaja telah membuktikan bahawa mazhab itu bersifat dinamik, anjal serta terbuka kepada perbincangan lanjutan. Ciri istimewa ini menjadikan mazhab al-Imam al-Syafie berupaya mendepani cabaran-cabaran baharu sekaligus memberikan nafas dan ruang

<sup>14</sup> Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (1975), *Sunan al-Tirmizi*, Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi

<sup>15</sup> Al-Umrani, Yahya bin Abi al-Khair bin Salim (2002), *al-Bayan fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Al-Juwayni, Abd al-Malik bin Abd al-Allah bin Yusuf (2007), *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, Jeddah: Dar al-Minhaj.

Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.



dalam menyelesaikan sebahagian masalah masyarakat pada masa kini dengan meneliti kepelbagaian pandangan dalam mazhab ini.

Perbincangan di atas diharapkan dapat merungkai persoalan kedudukan penggunaan umra dan ruqba dalam agihan harta yang menjadi polemik khasnya dalam kalangan pengamal-pengamal industri perancangan harta Islam di Malaysia. Sistem perwarisan atau agihan harta dalam Islam perlu dilihat sebagai satu entiti yang menyeluruh dan saling lengkap-melengkapi. Dengan erti kata lain, dalam konteks perbincangan ini, pemakaian 'umra dan ruqba adalah sebagai instrumen yang bergandingan dengan instrumen agihan harta yang lain, iaitu fara'id, wasiat, amanah, wakaf, nazar, bahkan hibah itu sendiri. Dengan demikian, agihan harta yang disarankan adalah berasaskan kepada keperluan atau perancangan pemilik harta itu sendiri. Tambahan pula, sumbangan dan buah fikiran Imam al-Syafi'i ini amat penting dalam perkembangan dan pembangunan muamalat Islam khususnya kepada umat Islam di negara ini dan seterusnya kepada pihak industri yang menawarkan perkhidmatan hibah kepada masyarakat Islam di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.<sup>16</sup>

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang menjayakan perbincangan ini secara langsung dan tidak langsung. Diharapkan ilmu dan maklumat yang dibincangkan dapat memberi input yang berguna kepada semua pembaca dan pengkaji yang ingin menghasilkan kajian yang lebih mendalam berkenaan topik hibah pada masa akan datang.

## RUJUKAN

Abu Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (2001), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Muassasah al-Risalah

Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah al-Tirmizi (1975), *Sunan al-Tirmizi*, Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah (1422H), *Sahih al-Bukhari*, Dar Tawq al-Najah


Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Hussin bin Ali bin Musa (2003), *al-Sunan al-Kubra*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah

---

<sup>16</sup> Noor Syahida Abdul Rahman (2016), Hibah 'Umra dan Ruqba dalam Al-Umm: Satu Analisis, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 3, Bil 2.

- Al-Juwayni, Abd al-Malik bin Abd al-Allah bin Yusuf (2007), *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*, Jeddah: Dar al-Minhaj
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad (1999), *Al-Hawi al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- al-Nawāwī, Muhy al-Din Abū Zakariyyā Yahyā b. Syarāf (2000), *Rawdhah al-Thālibīn*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah Shihab al-Din (1984), *Nihayah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr
- al-Syawkānī, Muhammad b. 'Alī b. Muhammad (1357H), *Nayl al-Awtār*, Kaherah: al-Matba'ah al-'Uthmāniyyah al-Misriyah.
- Al-Umrani, Yahya bin Abi al-Khair bin Salim (2002), *al-Bayan fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah
- Jasni bin Sulong (2005), *Undang-undang Pusaka Islam: Kajian Terhadap Pembaharuan Undang-undang dan Aplikasinya di Malaysia*, (Tesis PhD, Universiti Malaya. Kuala Lumpur), 150
- Muslim, Muslim bin al-hajjaj abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naisaburi (t.t.), *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2012), Umra Dan Ruqba : Analisis Mengenai Kesannya Terhadap Kontrak Hibah Dan Potensinya Sebagai Instrumen Agihan Harta, *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 1, p. 1-46.
- Noor Syahida Abdul Rahman (2016), Hibah 'Umra dan Ruqba dalam Al-Umm: Satu Analisis, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 3, Bil 2.
- Syams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syarbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah (t.t.) *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab* (Juz 1-Juz 9 oleh al-Nawāwī, Juz 10-Juz 12 oleh 'Alī b. 'Abd al-Kāfi al-Subki dan Juz 13-Juz 20 oleh Muhammad Najib al-Muti'i), Beirut: Dār al-Fikr.





Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

**e-ISSN: 2682-7840**

